

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

21 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

- 1 Apakah faktor yang mendorong British membuka petempatan di Alam Melayu? (BUKU TEKS ms.30)
- I Memajukan perdagangan
II Mengukuhkan keselamatan
III Melaksanakan pemodenan
IV Menghalang pemberontakan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Memahami) Tajuk 7 Aros R

- 2 Peta berikut menunjukkan lokasi Batu Uban di Pulau Pinang.



Apakah kepentingan lokasi tersebut? (BUKU TEKS ms.30)

- A Pusat pentadbiran
B Pelabuhan terawal
C Kegiatan pertanian
D Kawasan perikanan

(Memahami) Tajuk 7 Aros R

- 3 Ladang-ladang gambir dibuka semasa pentadbiran Temenggung Abdul Rahman di Singapura. Siapakah yang dilantik untuk mengusahakan ladang gambir tersebut? (BUKU TEKS ms.31)

- I Orang Cina
II Orang Laut
III Orang Bugis
IV Orang Melayu

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Mengingat) Tajuk 7 Aros R

- 4 Apakah pihak yang membantu Belanda mengalahkan Portugis di Melaka? (BUKU TEKS ms.31)
- A Kesultanan Sulu
B Kesultanan Lingga
C Kesultanan Selangor
D Kesultanan Johor Riau

(Mengingat) Tajuk 7 Aros R

- 5 Apakah kepentingan Betawi di Pulau Jawa terhadap Belanda? (BUKU TEKS ms.31)
- A Pusat ketenteraan
B Pusat perdagangan
C Pusat pertanian komersial
D Pusat pengumpulan bijih timah

(Memahami) Tajuk 7 Aros R

- 6 Bagaimanakah British mengatasi persaingan perdagangan antara China dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di India?
- A Menyekat kemasukan pedagang
B Membuka laluan perairan baharu
C Mendapatkan petempatan baharu
D Menamatkan hubungan diplomatik

(Memahami) Tajuk 7 Aros R

- 7 Apakah keistimewaan Pulau Pinang sehingga British meluaskan kuasa pada awal abad ke-18? (BUKU TEKS ms.31)
- I Pangkalan tentera laut
II Pentadbiran yang aman
III Pengeluar bijih timah dunia
IV Pusat pengumpulan barang
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Mengingat) Tajuk 7 Aros R

- 8 Apakah peristiwa yang menyebabkan British berusaha mengukuhkan laluan perdagangan ke China? (BUKU TEKS ms.32)
- A Kehilangan Amerika sebagai tanah jajahan
B Peluasan kuasa ke Asia Tenggara berjaya
C Persaingan perdagangan dengan Sepanyol
D Berlaku hubungan diplomatik dengan China

(Mengingat) Tajuk 7 Aros R

- 9 Tindakan Sultan Muhammad Jiwa melantik Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah telah ditentang oleh kerabat diraja. Bagaimanakah penentangan tersebut dilaksanakan? (BUKU TEKS ms.32)

- A Memohon bantuan ketenteraan dari SHTI
B Membubarkan jawatan Raja Muda Kedah
C Membuat pakatan dengan Bugis di Selangor
D Mengadakan kerjasama dengan kuasa Belanda

(Memahami) Tajuk 7 Aros R

10 Apakah peristiwa yang menyebabkan Sultan Abdallah menawarkan Pulau Pinang kepada British? (BUKU Teks ms. 36)

- A Mengelakkan ancaman lanun
- B Menyekat kemaraan Belanda
- C Menamatkan perebutan takhta
- D Menyelesaikan ancaman Siam

Mengenalisis Tajuk 7 Aros 4

11 Pegawai berikut dihantar ke Alam Melayu untuk memenuhi matlamat British.

- Stamford Raffles
- William Farquhar

Apakah matlamat British menghantar pegawai tersebut?

(BUKU Teks ms. 36)

- I Menyerang Hindia Timur
- II Bersaing dengan Belanda
- III Mencari pelabuhan baharu
- IV Berusaha menduduki Singapura

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

Mengenalisis Tajuk 7 Aros 3

12 Kerajaan Alam Melayu berikut merupakan petempatan yang telah dikuasai oleh British.

- Pulau Pinang
- Bangkahulu

Mengapakah British mencari petempatan baharu untuk menggantikan petempatan tersebut? (BUKU Teks ms. 37)

- A Kedudukan yang tidak strategik
- B Kekurangan bekalan bahan mentah
- C Kekacauan dalam pentadbiran tempatan
- D Kegagalan menyaingi pelabuhan Belanda

Memahami Tajuk 7 Aros 5

13 Protrasi berikut berkaitan dengan Perjanjian Persahabatan dan Keamanan British-Kedah pada 1 Mei 1791 di Alor Setar, Kedah.



Apakah kesan perjanjian tersebut? (BUKU Teks ms. 41)

- A Penempatan pangkalan tentera darat
- B Pengawasan perdagangan di Selat Melaka
- C Pertahanan di Seberang Perai dititikberatkan
- D Pengiktirafan penguasaan British di Pulau Pinang

Mengenalisis Tajuk 7 Aros 6

14 Bagaimanakah usaha British untuk mendirikan petempatan di Singapura? (BUKU Teks ms. 37)

- A Memberi pangkat yang lebih tinggi kepada pembesar
- B Mengarahkan pembayaran ufti tahunan kepada British
- C Mengugut untuk melucutkan jawatan pentadbir tempatan
- D Mengadakan perjanjian awal dengan pentadbir Singapura

Memahami Tajuk 7 Aros 6

15 Mengapakah Belanda ingin mengelakkan peperangan dengan British selepas abad ke-18? (BUKU Teks ms. 40)

- A Mengelakkan korban nyawa
- B Mengatasi masalah kewangan
- C Menguasai laluan perdagangan
- D Memajukan pakatan ketenteraan

Memahami Tajuk 7 Aros 6

16 Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian 2 Ogos 1824.

Residen Singapura, John Crawford telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman.

Apakah kesan perjanjian tersebut? (BUKU Teks ms. 41)

- A Penyerahan Singapura kepada British
- B Petempatan British di Singapura diiktiraf
- C Pengiktirafan penjajahan British secara mutlak
- D Pelantikan Sultan Hussein sebagai ketua negeri

Mengenalisis Tajuk 7 Aros 6

17 Mengapakah British dan Belanda bersetuju memeterai Perjanjian London 1824? (BUKU Teks ms. 40)

- A Mengukuhkan perdagangan di rantau Asia
- B Melantik Residen sebagai penasihat sultan
- C Menamatkan pertikaian dan hubungan tegang
- D Mengelakkan persaingan kuasa di tanah jajahan

Memahami Tajuk 7 Aros 6

18 Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian London 1824.

Naning

Apakah kesan Perjanjian London 1824 terhadap lokasi tersebut? (BUKU Teks ms. 41)

- A Diserahkan kepada Belanda
- B Mengembalikan kuasa sultan
- C Diiktiraf sebagai wilayah Johor Riau
- D Menjadi sebahagian daripada Melaka

Mengenalisis Tajuk 7 Aros 6

22 Perjanjian London 1824 dan Kesannya terhadap Alam Melayu

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan pemerintah yang didesak oleh British untuk menandatangani perjanjian pada Ogos 1824. **(BUKU TEKS ms. 41)**

Johor	Singapura
Sultan Hussein Muhammad Shah	Temenggung Abdul Rahman

Apakah tujuan British melakukan desakan tersebut?

- A Memecahkan empayar Johor Riau
 B Merampas kuasa daripada Belanda
 C Mengisytiharkan kedaulatan Pahang
 D Menyerahkan Singapura kepada British

(Memahami Tajuk 7 Aros R)

- 20 Apakah asas yang mempengaruhi Perjanjian London 1824 tersebut ditandatangani? **(BUKU TEKS ms. 42)**

- A Persaingan kuasa
 B Penyebaran tamadun
 C Pengukuhan persahabatan
 D Penyebaran agama Kristian

(Memahami Tajuk 7 Aros R)

- 21 Sempadan digunakan untuk memisahkan wilayah pengaruh British dan Belanda di Alam Melayu. **(BUKU TEKS ms. 42)**

Apakah sempadan tersebut?

- I Laut Sulu
 II Selat Melaka
 III Selat Singapura
 IV Laut China Selatan
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

(Menganalisis Tajuk 7 Aros R)

- 22 Perjanjian London 1824 telah membelakangkan Raja-raja Melayu.

Bagaimanakah Raja-raja Melayu mengetahui perjanjian tersebut? **(BUKU TEKS ms. 42)**

- A Dimaklumkan oleh Sultan Riau Lingga
 B Surat yang ditulis oleh Bendahara Tun Ali
 C Penemuan salinan Perjanjian London 1824
 D Penghantaran bantahan kepada kerajaan British

(Memahami Tajuk 7 Aros R)

23 Pembentukan Negeri-negeri Selat

- 23 Apakah sistem yang mewujudkan keamanan dalam komuniti kaum di Melaka? **(BUKU TEKS ms. 46)**

- A Sistem Kangu
 B Sistem Kontrak
 C Sistem Kapitan
 D Sistem Kangani

(Memahami Tajuk 7 Aros R)

- 24 Bagaimanakah kedudukan Singapura setelah mendapat pengiktirafan British pada tahun 1823? **(BUKU TEKS ms. 46)**

- A Pelabuhan bebas
 B Pelabuhan entrepot
 C Pelabuhan kerajaan
 D Pelabuhan pembekal

(Memahami Tajuk 7 Aros R)

- 25 Mengapakah British menubuhkan Negeri-negeri Selat pada tahun 1826? **(BUKU TEKS ms. 47)**

- I Memajukan perdagangan
 II Menyeragamkan pentadbiran
 III Menjimatkan perbelanjaan British
 IV Menggalakkan kemasukan buruh asing

- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

(Menganalisis Tajuk 7 Aros R)

- 26 Apakah faktor yang membantu Negeri-negeri Selat berkembang pesat?

- A Penanaman modal oleh pelabur luar

- B Kewujudan masyarakat berbilang kaum
 C Kecekapan Residen dalam pentadbiran
 D Penambahbaikan kemudahan di pelabuhan

(Memahami Tajuk 7 Aros R)

24 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

- 27 Apakah peranan Residen Konsular di Negeri-negeri Selat? **(BUKU TEKS ms. 48)**

- A Mengutip cukai.
 B Menjadi penasihat
 C Menjaga keamanan
 D Membantu Gabenor

(Memahami Tajuk 7 Aros R)

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan pemindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat. **(BUKU TEKS ms. 49)**

Tahun	Pentadbiran Negeri-negeri Selat
1826	Syarikat Hindia Timur Inggeris
1856	X

Apakah X?

- A Pejabat India
 B Pulau Pinang
 C Parlimen British
 D Pejabat Tanah Jajahan

(Meningati Tajuk 7 Aros R)

- 29 Apakah pihak yang tidak berpuas hati dengan pentadbiran India Office (Pejabat India)? **(BUKU TEKS ms. 49)**

- I Pedagang
 II Pelombong
 III Pegawai British
 IV Penduduk tempatan
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

(Meningati Tajuk 7 Aros R)

- 30 Apakah peranan Majlis Eksekutif dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat? **(BUKU TEKS ms. 49)**

- A Melantik pembesar negeri
 B Mengurus hal pentadbiran
 C Menggubal undang-undang
 D Memajukan ekonomi moden

(Memahami Tajuk 7 Aros R)